

KERJA PENYENGGARAAN KECEMASAN DI LALUAN PUTRA HEIGHTS – BANDAR SAUJANA PUTRA, LEBUHRAYA ELITE

- Lorong kanan dan tengah di KM14.1 – KM14.8 ditutup**
- Laluan SmartLane diaktifkan**

Petaling Jaya, 23 Februari 2026:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) ingin memaklumkan bahawa lorong kanan dan lorong tengah di laluan Putra Heights ke Bandar Saujana Putra di KM14.1 hingga KM14.8 di Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE) telah ditutup bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan kecemasan di lokasi.

Lorong Smart Lane juga telah diaktifkan bagi membantu melancarkan pergerakan trafik di laluan tersebut.

Setakat jam 9:00 malam, pasukan PLUS bersama Pasukan Tindak Balas Kecemasan (ERT) daripada pihak berkaitan telah berada di lokasi untuk menjalankan siasatan lanjut serta penilaian teknikal.

PLUS sedang memantau keadaan secara rapi dan akan memberikan perkembangan terkini dari semasa ke semasa. Pengguna lebuh raya dinasihatkan supaya mematuhi arahan petugas trafik di lokasi dan merancang perjalanan dengan sewajarnya.

Orang ramai dinasihatkan untuk menggunakan laluan alternatif bagi perjalanan menghala ke selatan/KLIA untuk mengelakkan kesesakan trafik di lokasi.

PLUS menasihatkan semua pengguna lebuh raya supaya memandu dengan berhati-hati dan mendapatkan maklumat trafik terkini di lebuh raya PLUS menerusi aplikasi X@PLUSTrafik, aplikasi PLUS, paparan mesej elektronik (VMS), pembantu maya – PUTRI dan saluran media sosial PLUS. Sekiranya berlaku kecemasan dan ingin mendapatkan bantuan, hubungi PLUSLine di 1800-88-0000, tekan butang SOS di aplikasi PLUS atau menerusi pembantu maya - PUTRI.

PLUS mengucapkan terima kasih atas perhatian dan kerjasama semua pengguna.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
---	---